

PERANCANGAN PEMBANGUNAN TADIKA DI KAWASAN PERUMAHAN

Kajian Kes: Taman Bandar Baru Uda, Johor Bahru, Johor.

NOOR YUIHANNA BINTI ABDUL RANI

Laporan Projek Sarjana Muda ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2010

ABSTRAK

Kemudahan tadika di dapati semakin penting kesan daripada kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan awal kanak-kanak. Perkara ini menyebabkan begitu banyak tadika membangun di kawasan perumahan baru mahupun lama. Ini adalah bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi oleh pendidik terhadap kemudahan tadika. Walaupun begitu pertumbuhan tadika ini didapati hanya mematuhi garis panduan asas seperti penggunaan jenis bangunan dan lokasi tadika. Justeru itu kajian ini lebih menjurus kepada pematuhan garis panduan terhadap pembangunan tadika serta kesan pematuhan garis panduan terhadap persekitaran dan pembelajaran kanak-kanak di tadika daripada pelbagai aspek. Aspek ini merangkumi aspek perancangan, penggunaan ruang dalaman dan luaran, aspek kesihatan, keselamatan dan beberapa aspek lain dalam menghasilkan persekitaran yang kondusif dan berkualiti. Selain itu, pandangan ibu bapa turut di ambil kira sebagai salah satu komponen kajian. Sebanyak 88 responden telah dikenalpasti terdiri daripada ibu bapa yang mengantar anak ke tadika. Garis panduan yang dihasilkan oleh agensi-agensi yang berkaitan menjadi subjek kajian bagi mengenalpasti aspek yang perlu dipatuhi di dalam penyediaan sesebuah tadika. Kaedah soal selidik dan pemerhatian digunakan dalam melaksanakan penyelidikan dengan menggunakan alat bantuan kajian seperti borang senarai semak dan borang kaji selidik. Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati, sememangnya tadika-tadika di kawasan kajian tidak mematuhi kesemua garis panduan yang telah ditetapkan. Manakala penyelarasan dalam aspek perletakan kemudahan tadika terletak secara berselerak, kurang strategik, dengan kedudukan aksesibiliti yang kurang selamat, menimbulkan beberapa kesan terhadap kualiti pembelajaran kanak-kanak di tadika. Kegagalan pematuhan garis panduan yang telah disediakan mewujudkan pelbagai kesan terhadap aktiviti kanak-kanak di tadika dan serba sedikit memberi kesan kepada masyarakat di sekeliling. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan satu kajian asas perancangan dalam menyediakan kriteria perancangan tadika yang komprehensif khususnya di kawasan perumahan. Justeru itu kriteria perancangan ini mengandungi aspek perancangan fizikal, penggunaan ruang dalaman dan luaran, aspek kesihatan, aspek keselamatan dan beberapa aspek lain iaitu landskap dan tempat meletak kenderaan. Kriteria perancangan yang menyeluruh ini dijangka dapat menghasilkan suasana yang lebih kondusif dan berkualiti di tadika supaya dapat melahirkan generasi akan datang yang sihat dan cemerlang.

ABSTRACT

Kindergarten is becoming more important now because of the rise in awareness of parents today pertaining to their child's early education. This in turn causes the rapid growth of kindergarten in residential area regardless of new or existing ones. This is to cope with the requirements and high demand from educator for this facility. Nevertheless, the developments of such kindergarten only comply with basic standard guidelines, such as for the building type and the location of the facility. Thus, this study focuses more on the compliance of the guidelines towards the development of kindergarten, the effects of the compliance to the surrounding and the children's learning process from different aspects. The respective aspect involves planning, the use of internal and external spaces, health, security and safety, and a few other aspects in creating a conducive and quality environment. Furthermore, views from the parents are also being considered as part of the component of the study. 88 respondents were chosen which parents of student at the kindergarten are. Guidelines from responsible agencies are the subject of the research to identify the compulsory aspect in the development of a kindergarten. Interview, questionnaire and observation is used in the research with the aid of a checklist and questionnaire form. From the study, undoubtedly, the kindergartens in the study area do not comply with all of the guidelines specified. Additionally, synchronization in aspect of location of the kindergarten is placed dispersedly, not strategic, with unsafe accessibility locations that have an effect on the children's learning quality. Failure in complying with the specified guidelines affects the children's activity and in a way, also affects the surrounding community. Thus, this research opts for a basis in planning, pertaining to the criteria of a comprehensive kindergarten development especially in residential area. Therefore, this development criterion includes physical development aspects, internal and external use of the facility, health, safety and security, and other related aspect such as landscape and parking spaces. This development criteria is expected to create a more conducive and quality environment in the kindergarten to help mould, healthy and successful future generations.